

Tarikh Dibaca: 13 JAN 2023M | 20 Jumadal Akhirah 1444H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“PENGAJARAN DARIPADA UJIAN
ALLAH”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“PENGAJARAN DARIPADA UJIAN ALLAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: أَحْسِبَ النَّاسَ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا
وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Semoga dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya dan keimanan yang teguh akan menjadikan kita hamba yang berjaya di dunia dan di akhirat kelak.

¹ Al-Ankabut : 2.

² Ali-Imran : 102.



Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**PENGAJARAN DARIPADA UJIAN ALLAH**".

Muslimin yang berbahagia,

Pada awal tahun 2020, kita dikejutkan dengan penularan wabak Covid-19. Kesan daripadanya telah mengakibatkan banyak jiwa yang terkorban. Penularan wabak ini masih berlaku sehingga kini. Sehingga 7 Januari 2023, seramai lebih lima juta orang yang telah dijangkiti dan seramai lebih tiga puluh lima ribu orang yang terkorban kerananya. Semua yang berlaku ini adalah kehendak Allah SWT yang Maha Berkuasa untuk menguji hamba-hamba-Nya. Firman Allah SWT menerusi surah al-Ankabut ayat 2 yang telah dibacakan di awal khutbah ini bermaksud:

"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?"

Menurut Ibn Kathir dalam tafsirnya, Allah SWT berhak menguji hamba-hamba-Nya yang beriman sesuai dengan keimanan yang mereka miliki. Semoga ujian yang datang daripada Allah SWT ini dapat dijadikan pengajaran buat kita semua. Antaranya menghadapi setiap ujian yang datang dengan sabar. Hanya mereka yang sabar menghadapi ujian Allah SWT ini yang akan mendapat kejayaan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾



"Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."

Dengan berkat kesabaran yang tinggi, Allah SWT juga telah berjanji untuk menganugerahkan pahala yang banyak kepada hamba-hamba-Nya. Firman Allah SWT menerusi surah al-Zumar ayat 10:

إِنَّمَا يُوفَى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

"...Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira."

Namun perlu diingat bahawa semua ujian yang datang daripada Allah SWT merupakan rahmat bagi hamba-hamba-Nya yang beriman. Mereka yang terus sabar menghadapinya dengan keimanan yang tinggi kelak akan mendapat sebesar-besar ganjaran. Dalam sebuah hadis daripada A'isyah Radiallahuanha, beliau bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai wabak taun. Maka, Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

"Bahawa wabak taun itu adalah satu azab (bala) daripada Allah yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah menjadikannya sebagai rahmat bagi hamba-Nya yang beriman. Seseorang hamba yang berada di negeri yang ditimpa wabak taun, jika dia sabar menghadapi bala itu serta mengetahui yang dia tidak akan terkena kecuali menurut apa yang telah ditentukan Allah. Baginya pahala seperti pahala orang yang mati syahid."

(Riwayat al-Bukhari).



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam menghadapi ujian Allah SWT ini juga, kita diajar untuk tidak berhenti mengharapkan pertolongan dan petunjuk daripada-Nya. Hanya Allah SWT tempat kita memohon segala hajat dan hanya Dia sahajalah yang mengetahui apa yang terbaik buat hamba-hamba-Nya. Justeru itu, kita seharusnya sentiasa berdoa kepada-Nya, bukan hanya ketika dalam kesusahan sahaja bahkan ketika senang agar kita sentiasa diberikan petunjuk dan rahmat Allah SWT. Hadis daripada al-Nu'man bin Basyir Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدُّعَاءَ هُوَ الْعِبَادَةُ، ثُمَّ قَرَأَ: وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي
أَسْتَجِبْ لَكُمْ

"Doa adalah ibadah". Kemudian Baginda membaca ayat: "Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu".

(Riwayat Abu Daud).

Allah SWT juga telah berjanji untuk memperkenankan doa hamba-hamba-Nya yang sabar. Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يُسْتَجَابُ لِأَحَدِكُمْ مَا لَمْ يَعْجَلْ، فَيَقُولُ: دَعَوْتُ، فَلَمْ
يُسْتَجَبْ لِي

"Pasti diterima doa di antara kamu selama mana ia tidak terburu-buru, iaitu ia berkata: "Aku telah berdoa, dan tidak diterima daripadaku."



(*Muttafaqun Alaih*).

Bagi mereka yang sombong dan malas untuk berdoa adalah menjadi satu kemurkaan Allah SWT ke atas mereka. Peringatan ini disampaikan Rasulullah SAW menerusi sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَسْأَلِ اللَّهَ يَغْضَبْ عَلَيْهِ

"Barangsiapa yang tidak berdoa kepada Allah, maka Allah akan murka kepadanya".

(*Riwayat al-Tirmizi*).

Oleh itu, marilah kita bersama-sama terus menadah tangan berdoa kepada Allah SWT agar diri, keluarga dan negara kita dilindungi daripada wabak yang masih menular ini. Semoga berkat kesabaran kita memohon kepada Allah SWT, wabak ini akan segera dihilangkan dari muka bumi ini. Pohonlah juga kepada Allah SWT agar kita dapat menghadapi segala ujian yang mendatang dengan penuh kesabaran.

Hadirin tetamu Allah yang berbahagia,

Di samping terus berdoa supaya Allah SWT memelihara kita daripada ujian berat, bala dan penyakit, kita juga dianjurkan untuk sentiasa menjaga kebersihan diri. Ini kerana Islam menuntut umatnya untuk menjaga kebersihan kerana kebersihan adalah asas kepada kesihatan. Dengan kesihatan yang baik, umat Islam dapat beribadat dan melaksanakan tugas seharian dengan sempurna. Allah SWT amat menyukai hamba-hamba-Nya yang cintakan kebersihan serta sentiasa menjaganya. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 108:



... فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

"...Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (menggambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).

Rasulullah SAW pernah memberi peringatan untuk menjaga kebersihan menerusi sebuah hadis daripada Sa'id bin al-Musayyab Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan, Dia menyukai kedermawanan, maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi".

(Riwayat al-Tirmizi).

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita ambil pengajaran daripada perkara-perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini segala musibah yang berlaku adalah kehendak Allah SWT untuk menguji hamba-hamba-Nya
2. Umat Islam hendaklah sabar dan terus berdoa kepada Allah SWT dalam menghadapi apa jua ujian daripada Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah mengambil pengajaran daripada ujian Allah SWT dan berusaha untuk mendekatkan diri kepada-Nya.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنْبِهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا
فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُ مَرَّ كَأَن لَّمْ يَدْعُنَا إِلَى ضُرِّ مَسَّهُ كَذَلِكَ
زُيِّنَ لِلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٢﴾

“Dan apabila seseorang manusia ditimpa kesusahan, merayulah dia kepada Kami (dalam segala keadaan), samada dia sedang berbaring atau duduk ataupun berdiri dan manakala Kami hapuskan kesusahan itu daripadanya, dia terus membawa cara lamanya seolah-olah dia tidak pernah merayu kepada Kami memohon hapuskan sebarang kesusahan yang menyimpannya (sebagaimana dia memandang eloknya bawaan itu) demikianlah diperelokkan pada pandangan orang-orang yang melampau apa yang mereka lakukan.”

(al-Yunus : 12).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكَوْ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿٣١﴾.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.